

Jumlah mangsa di Pahang, Perak turun, Kelantan kekal

KUALA LUMPUR - Jumlah mangsa banjir di Pahang dan Perak menurun sedikit, manakala Kelantan kekal setakat jam 12.30, menjadikan keseluruhan jumlah mangsa seramai 22,138 berbanding 22,219 pagi semalam.

Di **PAHANG**, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 14,682 orang berbanding 14,719 selepas dua pusat pemindahan terakhir di Jerantut ditutup.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, pusat pemindahan beroperasi di Balai Raya Tebing Tinggi dan Dewan Paya Garop di Jerantut dengan

menempatkan 37 mangsa ditutup pada 10.30 pagi.

Lima lagi daerah yang masih terjejas tidak menunjukkan perubahan dengan Pekan menempatkan mangsa paling ramai 9,783 orang diikuti Maran (2,618 orang), Kuantan (1,012 orang), Temerloh (985 orang) dan Bera (284 orang).

Di **PERAK**, jumlah mangsa banjir menurun kepada 4,253 daripada 1,148 keluarga berbanding 4,297 mangsa daripada 1,162 keluarga pada sebelah pagi.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Perak berkata, jumlah mangsa yang ditempatkan di 22 pusat pemindahan

melibatkan Perak Tengah sebanyak 3,268 orang, Hulu Perak (473 orang), Hilir Perak (297 orang), Manjung (160 orang) dan Kuala Kangsar (55 orang).

Keadaan cuaca di kesemua kawasan tersebut juga dilaporkan baik.

Bagaimanapun di **KELANTAN**, jurucakap MKN negeri berkata jumlah mangsa di empat jajahan iaitu Kuala Krai (1,747 orang), Gua Musang (1,157 orang), Tanah Merah (199 orang) dan Machang (100 orang) masih mengekalkan data sama seperti pagi tadi. - Bernama